



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 MEI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	REFORMASI INDUSTRI PADI BERAS NEGARA, DALAM NEGERI, UM-12	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI
2.	SELUDUP 10 TAN BERAS SEBAGAI CAMPURAN REMPAH, NEGARA, KOSMO-14	
3.	BURUNG MERPATI BAWA PENYAKIT, TUJUH INDIVIDU SUDAH DISAMAN, LOKAL, HM-13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)
4.	PROTECT PETS FROM RABIES, LIFE & TIMES, NST-13	
5.	2,361 HAIWAN MATI DILANGGAR KENDERAAN SEJAK 2020, NASIONAL, BH-15	LAIN-LAIN
6.	2,361 WILD ANIMALS KILLED BY VEHICLES IN FIVE YEARS, NATIONAL, THE SUN-4	
7.	THEY GAVE US K-POP, WE'LL GIVE THEM KING OF FRUITS, NATION, THE STAR-6	
8.	2,361 HIDUPAN LIAR MATI DILANGGAR, NASIONAL, SH-2	
9.	LEMBU SATU TAN UNTUK IBADAH KORBAN, NEGERI, SH-25	
10.	EMPAT JAM KUMPUL 40KG KEPAH, NEGERI, SH-20	
11.	LEBIH 2,000 HAIWAN MATI DIREMPUH, NEGARA, KOSMO-12	
12.	WUJUDKAN LEBIH BANYAK KAWASAN LINTASAN HAIWAN DI LEBUH RAYA, NEGARA, KOSMO-12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/5/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12

Reformasi industri padi beras negara

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@rediffmail.com

KANGAR: Kerajaan perlu mereformasikan semua polisi terutama melibatkan dasar berkaitan harga kawalan beras dan lantai padi bagi memastikan industri padi dan makanan ruji negara itu kembali stabil.

Dasar berkaitan beras dan padi negara sudah lapuk dan jauh ketinggalan berbanding negara lain sekali gus menjadi punca kepada permasalahan yang membelenggu petani, pengilang dan pengguna.

Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, masalah utama membelenggu industri padi dan beras disebabkan polisi sudah tidak seiring dengan keperluan industri terutamanya selepas era Covid-19.

Kestabilan harga padi dan beras khususnya sangat diperlukan pemegang taruh dalam rantaian bekalan sama ada melibatkan pesawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna.

"Malaysia tidak boleh terikut dengan polisi diamalkan di negara pengeluar beras dunia seperti Thailand.

"Dasar mereka memfokuskan kepada eksport beras sebanyak mungkin dan mampu terjual cepat di pasaran dunia supaya tidak menjadi lambakan dalam negara.

"Ia penting bagi Thailand kerana mereka menghasilkan 'surplus' atau lebihan beras untuk tujuan eksport ke luar negara iaitu lebih 9 juta tan metrik setahun, di mana ia adalah satu pendapatan yang besar bagi negara mereka.

"Kita tidak boleh mengamalkan dasar seperti di Thailand, India dan Vietnam kerana Malaysia belum mencapai tahap sara diri 100 peratus dalam pengeluaran beras," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Negara perlu melaksanakan polisi mampan dan kalis terhadap pergerakan harga beras dunia yang sentiasa ada naik dan turun.

"Jika ia tidak dilaksanakan, ketidakstabilan harga beras import akan mengganggu perjalan industri seperti yang berlaku dalam isu campuran beras sehingga menyebabkan ketiadaan beras tempatan di pasaran yang berlarutan lebih dua tahun.

"Sekiranya kita mampu mengawal harga yang stabil dalam pasaran domestik, barulah setiap pemegang taruh berani melabur lebih dalam usaha meningkatkan pengeluaran dan pendapatan mereka,



REFORMASIKAN polisi bagi memastikan industri padi dan makanan ruji negara kembali stabil.



EZREEN MUHAIZI MARZUKI

"Sebagai contoh, pesawah akan lebih berani untuk mengeluarkan kos membaiki tanah sawah dan membeli input pertanian yang berkualiti untuk meningkatkan hasil memandangkan mereka tidak perlu risau dengan harga padi yang sudah dijamin.

"Pengilang lebih berani menaik taraf jentera pengilangan supaya dapat meningkatkan kualiti daripada pesawah. Pemborong akan meningkatkan kualiti akhir produk dan menggiatkan aktiviti pemasaran kerana urusan aliran tunai lebih mudah untuk tempoh jangka panjang," katanya.

Pengguna dan peniaga makanan tidak perlu membuat banyak pelarasan perbelanjaan bulanan jika harga stabil sekali gus bakal menyaksikan seluruh rantaian menerima manfaat daripada kestabilan harga.

Beliau mencadangkan lima langkah meningkatkan penge-

luaran hasil sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap beras import.

Pertama: Wujudkan satu gred tunggal beras putih tanpa diasingkan antara beras putih tempatan dengan import berikutnya tidak dapat dibezakan daripada segi fizikal beras kecuali melalui pengesanan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Harga beras tempatan hari ini jika tidak disubsidikan sebenarnya sekitar RM32.25 sekampit dan ia selari dengan kos harga lantai belian padi RM1,500 per tan metrik.

Jika Kerajaan mampu mencari mekanisme untuk melaraskan harga beras gred tunggal pada julat harga itu, maka harga lantai padi RM1,500 akan menjadi satu harga yang stabil.

Pesawah boleh fokus kepada perkara lebih penting iaitu usaha meningkatkan hasil padi secara intensif.

Kedua: Usaha reformasi benih padi juga perlu diberi tumpuan terutama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan khususnya yang melibatkan harga dan kualiti benih.

Pastikan benih dibekalkan oleh loji benih bebas daripada kesan penyakit atau kehadiran benih padi angin yang pasti akan mengakibatkan penurunan hasil padi.

Mana-mana loji benih yang tidak mencapai piawaian kualiti dan diberi maklum balas negatif oleh pesawah haruslah diambil tindakan dan dipotong kuota benih.

Ketiga: Kawalan dan pemantauan kepada kos-kos input

pertanian perlu dibuat secara berkala supaya tidak wujud kenaikan harga mendadak disebabkan sebarang spekulasi.

Keempat: Berkaitan soal infrastruktur dijanjikan kerajaan untuk dibina atau dinaik taraf perlulah disegerakan dan dipastikan berfungsi dengan optimum khususnya untuk infrastruktur yang melibatkan pengairan dan saliran.

Kelima: Mengelakkan budaya berpolitik dalam menjayakan kesemua usaha berkenaan dan agenda ini perlu disokong dan dipantau bersama oleh setiap pemimpin atasan atau pertengahan biarpun berbeza idealogi dan parti memerintah memandangkan sebarang ketidakpedulian hanya akan merugikan pesawah dan seluruh rantaian industri.

KERJASAMA MARDI DAN PESAWAH

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) perlu memainkan peranan berkesan dalam menghasilkan benih padi dan ke arah itu, kerajaan perlu melonggarkan peraturan dalam pembangunan benih padi dengan mengadakan kerjasama kajian dengan pesawah setempat.

Katanya, kebanyakan pesawah setempat mempunyai pengalaman di lapangan yang lebih tinggi dan arif tentang ciri-ciri variati terbaik untuk setiap lokaliti.

Ia penting kerana setiap kawasan penanaman padi mempunyai masalah tersendiri.

"Ada kawasan sukar men-

dapat bekalan air, maka diperlukan variati yang lebih tahan kemarau. Ada kawasan yang mudah terjadi banjir kerana kawasan rendah, maka diperlukan variati yang tahan lama walaupun ditenggelami air.

"Pada masa yang sama, setiap variati dibangunkan sama ada oleh MARDI, universiti atau Agensi Nuklear tidak boleh melalui tempoh yang terlalu lama untuk diluluskan. Saya fahamkan ada variati yang memerlukan tempoh sehingga 10 tahun untuk boleh diluluskan yang dalam bahasa bersawah, ia sudah memakan masa selama 20 musim untuk pesawah dapat beroleh variati baru," katanya.

LIMA KALI DUA TAHUN LONJAK HASIL

Peruntukan RM5.4 bilion membantu meningkatkan penghasilan padi negara dengan fokus kepada pembangunan infrastruktur termasuk bagi merealisasikan penanaman lima kali dua tahun.

Sebagai contoh, Perlis sahaja dijangka mampu meningkatkan hasil sehingga 30 peratus semusim melalui projek penanaman padi lima kali dua tahun yang dilaksanakan di enam lokasi membabitkan keluasan 4,957 hektar di negeri ini.

Jika ia direalisasikan, Perlis mampu menyumbang lebih 15 peratus pengeluaran beras negara berbanding ketika ini hanya sekitar 11 peratus.

Kira-kira 17,000 pesawah di Perlis mengusahakan tanaman di kawasan seluas 30,000 hektar di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) hanya mampu menjana hasil sekitar 135,000 tan metrik semusim.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, untuk projek bagi fasa awal tersebut, sebanyak enam kawasan terlibat di Perlis iaitu di Guar Sanji, Tambun Tulang, Simpang Empat serta tiga lagi lokasi di Kayang melibatkan 2,833 pesawah.

Pesawah perlu mengambil kira soal penggunaan benih berkualiti, faktor tanah dan disiplin tanaman dengan mengikut jadual penanaman setubuhnya bagi meningkatkan hasil.

"Ketika ini, hasil rata-rata pesawah di Perlis hanya sekitar lima tan perhektar dan sasaran kita peningkatan hasil sehingga 10 tan metrik melalui projek berkenaan. Jika projek ini berjalan dengan lancar, insya-Allah hasil tanaman padi akan meningkat dan dapat memenuhi keperluan beras negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	KOSMO	NEGARA	14

Seludup 10 tan beras sebagai campuran rempah

KLANG – Taktik menyeludup masuk 10 tan beras dengan mengikrarkan campuran rempah gagal selepas dikesan pihak berkuasa di kawasan Zon Bebas, Pelabuhan Klang baru-baru ini.


Rampasan bernilai RM238,000 termasuk cukai itu dibuat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selepas menahan sebuah kontena pada 25 Mac lalu.

Pemangku Pengarah Kastam Selangor, Tun Norlela Azumi Ramli berkata, hasil pemeriksaan dijalankan telah menemui 10,000 kilogram (kg) beras yang dipercayai telah diimport tanpa permit import.

Katanya, ia jelas melanggar kesalahan memandangkan permit import dikeluarkan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) seperti digariskan di bawah Butiran 25, Bahagian I, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

“Hasil semakan mendapati komoditi beras itu telah diikrarkan antaranya sebagai campuran daun dan rempah bagi mengaburi pihak berkuasa.

“Ia seterusnya telah mengelak keperluan permit import Bernas,” katanya dalam kenyataan di sini semalam



ANTARA barangan yang dirampas oleh JKDM Selangor di Klang baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya turut merampas 7,320 liter ethyl alcohol bernilai RM117,229 dalam pemeriksaan berasingan di kawasan sama pada 20 Mac lalu.

Katanya, barangan yang disya-

ki dari benua Eropah itu didapati tidak mempunyai permit import.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (a) dan Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

BURUNG MERPATI BAWA PENYAKIT

Tujuh individu sudah disaman

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Serius menangani masalah bawaan burung merpati di bandar raya ini menyebabkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menguatkuasakan larangan memberi makanan kepada burung itu sejak tahun lalu dan mengambil tindakan tegas bermula awal tahun ini.

Tindakan diambil mengikut Seksyen 47(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memperintukkan kompaun RM250 selain kesalahan ingkar atau gagal membayar kompaun boleh dihadapkan ke mahkamah.

Ahli Majlis MBPP yang juga Pengerusi Jawatan Kuasa Kecil Kesihatan Persekitaran, Lee Seng Hwai berkata, sejak kompaun dikuatkuasakan pada Mac lalu, sebanyak tujuh notis dikeluarkan ke atas individu yang bersalah iaitu dua pada Mac dan lima pada April lalu.

Katanya, MBPP juga mengesan 36 lokasi panas yang menjadi tempat pemberian makanan kepada burung merpati yang mana 29 di daerah Timur Laut dan tujuh lagi di Barat Daya.



"Burung merpati bukan sahaja menyebabkan kacau ganggu, malah najisnya dan najisnya kotorkan kawasan, mengandungi bakteria, fungus dan bahan organik"

Lee Seng Hwai

"Sebanyak 637 aduan mengenai isu ini diterima pada tahun lalu dan 232 lagi pada tahun ini, yang setakat bulan Mac," katanya ketika dihubungi bagi mengulas laporan Harian Metro semalam, mengenai tindakan penduduk bandar



JALAN Penang antara lokasi panas (hotspot) pemberian makanan kepada burung merpati di George Town. - Gambar NSTP/ ZUHAINY ZULKIFFLI

raya ini memberi makanan kepada burung merpati, meskipun tertakluk penguatkuasaan undang-undang berkaitan.

Lee berkata, pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan lembut terlebih dahulu sebelum mengenakan kompaun, bertujuan menyedarkan masyarakat mengenai bahaya burung merpati khususnya najisnya kepada kesihatan serta menjejaskan imej

bandar raya.

"Burung merpati bukan sahaja menyebabkan kacau ganggu, malah najisnya dan najisnya mengotorkan kawasan, mengandungi bakteria, fungus dan bahan organik.

"Apabila kering, ia menghasilkan debu yang akan terapung jika terdapat pergerakan di udara dan memasuki dalam sistem pernafasan.

"Kemungkinan seterusnya akan menjangkiti paru-paru serta sistem saraf manusia dan semua ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar," katanya yang memaklumkan antara penyakit berjangkit berkaitan najis burung adalah jangkitan Histoplasmosis dan Cryptococcosis.

Menurutnya, pembiakan burung merpati yang cepat juga boleh menyebabkan risiko lain sekiranya tidak dikawal.

Beliau berkata, kebanyakan penduduk maklum mengenai larangan pemberian makanan kepada burung merpati, namun alasan tidak mahu membazirkan sisa makanan menyebabkan mereka terus memberi makan kepada burung berkenaan.

"Selain itu, alasan mereka adalah memberi makanan kepada haiwan akan mendapat balasan yang baik," katanya.

Protect pets from rabies

IN Malaysia, rabies is predominantly found in Sarawak, mainly because of its proximity to Kalimantan, which is an endemic region.

Since July 2017, rabies has claimed 80 lives in Sarawak, including eight in 2024 alone, according to the Sarawak Health Department.

Rabies spreads through the saliva of infected animals, typically via bites, scratches or contact with mucous membranes such as the eyes, mouth or open wounds.

While dogs are the main transmitters, any mammal can carry and transmit rabies. In fact, wildlife such as bats, monkeys and wild dogs, are considered major reservoirs for rabies, which is why pets that live in high-risk areas near wildlife are particularly at risk of infection, says Vet Partners Veterinary Clinic practice director Dr Lee Ee Liang.

"Rabies is a highly contagious viral infection that affects the central nervous system. It's a zoonotic disease, meaning it can spread from animals to humans, and up to 99 per cent of human rabies cases are caused by dog bites."

Once clinical symptoms appear, rabies is nearly 100 per cent fatal, not only to animals but humans as well.

While early symptoms of rabies in



Boehringer Ingelheim Malaysia, Singapore, Indonesia head of business segment, companion animals Dr Evonne Lim says if your pet is bitten by a potentially rabid animal, it's crucial to seek veterinary care as soon as possible. PICTURE CREDIT: BOEHRINGER INGELHEIM

pets and humans can be similar such as fever and headache, these can quickly escalate and vary between mammalian species.

In dogs, rabies often manifests with changes in behaviour such as aggression, restlessness, irritability, excessive drooling, difficulty swallowing and even paralysis.

Infected cats, on the other hand, may also display changes in behaviour, but instead of aggression, cats

can suddenly become very quiet, withdrawn and skittish.

Dr Lee says symptoms of rabies can vary widely between species, and this can pose a danger to humans as pet owners may not be aware that their animals have been infected by the virus.

While 99 per cent of human rabies cases are linked to dog bites, any mammal can carry and transmit the virus, says Boehringer Ingelheim Malaysia, Singapore, Indonesia head of business segment, companion animals Dr Evonne Lim.

Not only pets, but domesticated livestock, such as cows, horses, goats, sheep and pigs that live in rural areas or regions close to wildlife, are at risk of carrying and spreading rabies.

"That's why it is important to raise awareness about rabies and emphasise the importance of early and regular vaccination in protecting pets, people and communities from this deadly disease," says Dr Lim.

Dr Lee adds that once the infection progresses, symptoms can include severe neurological complications such as confusion, hallucinations, hydrophobia (fear of drinking water) and seizures.

This is why vaccinating household pets is a crucial preventive measure, as it does not only protect your pet's health, but also ensures that the pet owner and his family members are safe.

ACT FAST

If your pet is bitten by a potentially rabid animal, it's crucial to seek veterinary



Vaccinating pets not only protects them but also the pet owners, family members and other pets.

PICTURE CREDIT: BUBLIKHAUS - FREEPIK

Symptoms of rabies can vary widely between species, and this can pose a danger to humans as pet owners may not be aware that their animals have been infected by the virus.

Dr Lee Ee Liang

care as soon as possible, says Dr Lim.

Early assessment allows your vet to provide prompt treatment, which is essential in preventing the disease from progressing to deadly late-stage disease.

For unvaccinated pets, treatment usually includes an injection of anti-rabies serum (also known as rabies immunoglobulin or RIG) in combination with the rabies vaccine. If your pet has already been vaccinated against rabies, immediate veterinary attention is still necessary, as your vet may administer a booster shot to ensure continued protection and prevent any risk of disease progression.

Similarly, if you or a family member is bitten by an animal suspected of having rabies, seek medical attention

immediately. Early medical intervention is crucial and, like in pets, offers nearly 100 per cent efficacy in preventing active rabies," says Dr Lee.

He adds that vaccination against rabies isn't mandatory across Peninsular Malaysia due to the low incidence of the disease, however, it is compulsory to vaccinate dogs which live about 50km to 80km from the Thai border to create an 'immune belt'.

Vaccinating at least 70 per cent of the local pet population can establish herd immunity and reduce the risk of outbreaks, he says.

"Even if pets are kept indoors, they may sometimes escape and come into contact with infected animals. I would strongly encourage all pet owners, regardless of whether they live in the city or the outskirts, to vaccinate their pets against rabies."

Just like human vaccines, most vaccines produce minor side effects, including temporary decrease in appetite, lethargy and, in some cases, vomiting or diarrhoea.

Most of the time, the side effects are very mild and temporary, and much less dangerous than the actual disease, says Dr Lee.

Pet owners are usually reluctant to vaccinate their pets according to the recommended schedule because they may be concerned about side effects or the cost of vaccination.

However, it's important to be aware that vaccinating pets not only protects the pet but also the pet owner, his family members and other pets from a potentially deadly disease.

meera@nst.com.my



Vet Partners Veterinary Clinic practice director Dr Lee Ee Liang says pets that live near wildlife in high-risk areas are particularly at risk of infection. PICTURE CREDIT: DR LEE EE LIANG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

2,361 haiwan mati dilanggar kenderaan sejak 2020

Chukai: Sebanyak 2,361 kematian membabitkan pelbagai spesies haiwan akibat kemalangan jalan raya direkodkan di seluruh negara sejak 2020.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata Pahang merekodkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 765 kes, diikuti Perak (478 kes), Kelantan (224 kes), Terengganu (201) dan Negeri Sembilan (187 kes).

Beliau berkata, sebanyak 1,400 haiwan direkodkan mati akibat

bat dilanggar kenderaan dalam tempoh sama.

"Ia membabitkan satu kematian pada 2020, dua pada 2021, tiada rekod pada 2022 dan 2023, manakala dua pada 2024. Tahun ini, tiga ekor (dan) ia agak tinggi sebab kita baru sampai Mei," katanya selepas Operasi Pengukuasaan Kenderaan Bermotor, di sini semalam.

Nik Nazmi berkata, kerajaan akan memperbanyakkan santuari gajah atau penempatan baharu bagi mengurangkan kadar

kemalangan membabitkan haiwan itu.

Katanya, langkah itu juga antara usaha kerajaan dalam menangani masalah pencerobohan serta konflik haiwan dan penduduk.

"Kita nak wujudkan santuari gajah dan ia bukan setakat ada hutan, tetapi kena ada makanan yang cukup dalam hutan supaya haiwan itu tidak keluar.

"Biasanya, bila tak cukup makan, haiwan akan keluar mencari makan dan gajah serta

harimau ini agak besar, boleh pergi jauh," katanya.

Nik Nazmi berkata, kerajaan juga akan memasang lebih banyak papan tanda diod penercaian cahaya (LED) gajah bagi memberi amaran mengenai kehadiran hidupan liar itu, seterusnya berfungsi sebagai peringatan kepada pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati.

"Dengan alat pengesanan kehadiran gajah dan ada lampu, ia lebih berkesan untuk mereka yang memandu di kawasan risi-

ko," katanya.

Ketika ditanya mengenai cuaca panas dan kering tidak menentu yang melanda negara ketika ini, Nik Nazmi berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai kementerian dan jabatan berkaitan untuk menyelesaikan segala tindakan.

Beliau turut berhasrat untuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat dari negara ASEAN berkaitan pelbagai perkara, termasuk cuaca panas serta perubahan iklim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	THE SUN	NATIONAL	4

2,361 wild animals killed by vehicles in five years

CHUKAI: A total of 2,361 wild animals have been killed in traffic crashes across the country since 2020.

Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said Pahang was the state with the highest recorded roadkills with 765 animals, followed by Perak (478), Kelantan (224), Terengganu (201) and Negeri Sembilan (187).

"If we look at species, elephants recorded eight deaths, one in 2020, two each in 2021 and 2024, and this year there has been three deaths (including the death of the baby elephant).

"There has been a slight increase for Malayan tiger deaths, with no deaths recorded in 2020 until 2022, one in 2023, three in 2024, and one so far this year," he said after a vehicle enforcement operation here yesterday.

The government is conducting various initiatives to curb wildlife road kills, including an increased allocation of RM250 million this year to enable state governments to increase the area of their forest reserves, and also creating more elephant sanctuaries in Johor, Pahang, Perak and Terengganu.

Nik Nazmi said as of March, 90,024 vehicles were inspected under Op Gerak and from the total, 248 compounds were issued for various offences. Op Gerak was conducted to step up enforcement on motor vehicles. – Bernama

They gave us K-pop, we'll give them King of Fruits

By **FOO YEE PING**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The "King of Fruits" might just "conquer" the land that gives the world K-pop if frozen durian from Malaysia makes its way to South Korea — once a free trade agreement is signed between the two countries.

Though it is a long shot for now due to Seoul's stringent food import regulations, Malaysia's ambassador to South Korea Datuk Mohd Zamruni Khalid (*pic*) said the Malaysia-Korea Free Trade Agreement (MKFTA), which is expected to be inked by the year-end, could open doors for the agriculture sector.

"The agreement should provide tariff reductions and streamlined

fruits in the Korean market, opening new opportunities for growth and cooperation," he told *The Star*.

Zamruni said the signing of the MKFTA would be a "critical milestone" in the trade ties between the two countries due to its "transformative potential".

"We are targeting the signing of the MKFTA by late 2025. We are actively working towards this goal," he said.

However, he acknowledged that export of food and fruits like durian to South Korea remains challenging.

"The ROK (Republic of Korea) requires pre-registration of all foreign manufacturing facilities, import permits and thorough inspections to ensure food safety and compliance with plant

quarantine standards.

"For frozen durian pulp specifically, exporters must follow comprehensive food safety testing protocols before the product can enter the Korean market."

"Given these complexities, Malaysian exporters are strongly encouraged to work closely with experienced Korean importers who understand these regulatory hurdles," he said.

However, that has not deterred the Malaysian Embassy in Seoul to work towards its goal.

In February, the embassy hosted a "Durian Diplomacy" event with the mission to boost exports and promote cultural diplomacy.

Zamruni said the MKFTA is expected to lead to collaborations in key sectors such as the green economy (renewable energy, sus-



customs procedures, improving market access for Malaysian agricultural products including durian.

"This will not only ease current challenges but also enhance the competitiveness of Malaysian

tainable technologies), digital trade (e-commerce, digital services) and bioeconomy (biotechnology, pharmaceuticals).

"These collaborations will not only drive economic growth but also promote innovation, technological advancement, as well as sustainable development — creating a more resilient and prosperous future for both Malaysia and the ROK," he said.

South Korea is Malaysia's seventh largest trading partner, while Malaysia is ranked 11th for South Korea.

Trade between the two countries amounted to RM91bil from January to October last year.

Both nations are celebrating the 65th anniversary of diplomatic relations this year, which was established on Feb 23, 1960.

2,361 hidupan liar mati dilanggar

Gajah, Harimau
Malaya antara
terlibat nahas
jalan raya

CHUKAI

anak gajah yang tular pada Ahad).

"Harimau Malaya pun kita tengok ada sedikit peningkatan dengan 2020 hingga 2022 tiada kematian direkodkan tetapi pada 2023 merekodkan satu kematian manakala 2024 sebanyak tiga ekor dan setakat tahun ini ada seekor Harimau Malaya terlibat dengan kematian di atas jalan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Operasi Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor di sini pada Isnin.

Pada Ahad, tular di media sosial gambar dan video seekor anak gajah yang di-

langgar terperosok di bawah sebuah lori kontena dan seekor gajah dewasa dipercayai ibunya sedang cuba mengalih-kan lori tersebut bagi menyelamatkan anaknya.

Kejadian yang meruntun hati warga maya itu berlaku awal pagi kelmarin di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik-Jeli di Perak.

Nik Nazmi yang dipetik *Bernama* berkata, kerajaan telah dan sedang mengambil pelbagai inisiatif

Sebanyak 2,361 hidupan liar dilaporkan mati dilanggar kenderaan di atas jalan di seluruh negara sejak 2020 hingga kini.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, da-

lam tempoh itu Pahang menjadi negeri tertinggi merekodkan jumlah kematian hidupan liar akibat kemalangan iaitu 765 ekor, diikuti Perak (478), Kelantan (224), Terengganu (201), dan Negeri Sembilan (187).

"Kalau kita lihat spesies pula, seperti gajah mencatatkan lapan kematian iaitu seekor pada 2020, masing-masing dua ekor pada 2021 dan 2024, dan setakat tahun ini kita telah merekodkan tiga ekor



Harimau belang dan tapir adalah antara spesies hidupan liar yang mencatat angka kematian tinggi akibat dirempuh kenderaan di jalan raya.

masalah kematian hidupan liar termasuk gajah di atas jalan, antaranya menambah peruntukan kepada RM250 juta pada tahun ini bagi membolehkan kerajaan negeri terlibat meningkatkan kawasan hutan simpan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga sedang berusaha mewujudkan lebih banyak san-tuari gajah termasuk di Johor, Pahang, Perak dan Terengganu. Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, tiga kes anak gajah yang mati tahun ini masing-masing melibatkan dua kes di Perak dan satu di Johor.

Menurutnya, daripada jumlah itu, dua ekor anak gajah jantan mati akibat dilanggar kenderaan,

betina terjatuh longkang.

"Pembukaan habitat hidupan liar bagi tujuan pembangunan menyebabkan habitat asal terpisah antara punca utama binatang liar menjadi mangsa nahas jalan raya.

"Hidupan liar yang melintas jalan atau lebuhraya bergerak untuk mencari sumber makanan, pasangan bagi terus membiak dan mencari habitat yang lebih sesuai, namun akibat kecuaian pemandu kenderaan telah mengakibatkan kemalangan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, perkembangan guna tanah atas pelbagai tujuan telah menyebabkan berlakunya kehilangan, fragmen habitat hidupan liar dan seterusnya

lakunya pemisahan habitat.

"Inisiatif Perhilitan untuk menangani isu itu adalah dengan pemasangan papan tanda lintasan hidupan liar, memasang lampu solar *amber light* dan pemindahan hidupan liar ke habitat yang lebih jauh daripada manusia.

"Perhilitan juga meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan bagi menangani isu pemburuan haram dan pencerobohan hutan habitat asal gajah dan harimau belang khususnya," kata beliau.

Selain itu, Abdul Kadir berkata, pihaknya juga mengadakan perbincangan dengan pihak berwajib bagi memastikan pagar sempadan sepanjang lebuhraya diselenggara dengan baik dan pemasangan pagar berdui di

bagian

bagian

bagian

bagian

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Lembu satu tan untuk ibadah korban

Ditawarkan dengan harga RM13,000 seekor

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
KUBANG PASU

Dua ekor lembu baka Brahman seberat satu tan setiap seekor ditawarkan untuk jualan sempena ibadah korban tahun ini.

Pengurus Fatimah Mz Agro Farm Sdn Bhd, Mohamad Alias Zainal Abidin berkata, tawaran lembu bersaiz gergasi itu bukan sesuatu yang baharu kerana mereka menyediakannya setiap tahun.

"Tahun lepas kita tawarkan lembu seberat 800 kilogram, tetapi tahun ini kita bawa dua ekor bersaiz lebih besar iaitu satu tan

dengan harga RM13,000 seekor," katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Jalan Sintok, Changlun di sini.

Menurutnya, baka Brahman menjadi pilihan utama bukan sahaja kerana saiznya yang besar, malah dagingnya yang lebih lembut, berjus dan mempunyai nisbah lemak yang seimbang.

"Tekstur dagingnya juga lebih halus dan mudah dimasak, menjadikannya sesuai untuk pelbagai jenis hidangan seperti sup dan rendang," katanya.

Mohamad Alias yang membantu menguruskan ladang milik bapanya itu berkata, kedua-dua lembu berkenaan diberi makan dedak dan jagung untuk membantu tumbesaran.

"Rumput sahaja tidak mencukupi, oleh sebab itu dedak dan jagung dijadikan makanan tambahan untuk memastikan lembu cukup zat dan nutrisi," ujarnya.

Bapa kepada dua cahaya mata ini berkata, mereka sentia-

sa memastikan tahap kesihatan ternakan berada dalam keadaan terbaik untuk meyakinkan pelanggan.

"Semua lembu dan haiwan ternakan di ladang ini mendapat vaksin lengkap dan penjagaan kesihatan berjadual.

"Kami sangat utamakan kualiti supaya pelanggan yakin dan berpuas hati ketika melakukan ibadah korban," katanya.

Jelasnya, lembu bersaiz besar itu biasanya menarik perhatian agensi kerajaan atau individu yang ingin menyumbang untuk masjid.

"Setakat ini ada beberapa individu datang melihat kedua-dua ekor lembu tersebut, namun mereka belum membuat sebarang keputusan.

"Jika ada yang berminat dengan lembu sado ini untuk dibuat korban, mereka boleh datang melihat sendiri kualiti ternakan kami," katanya.

Mohamad Alias berkata, da-



Lembu baka Brahman seberat satu tan yang terdapat di ladang ternakan Fatimah Mz Agro Farm di Changlun.

lam masa yang sama, mereka juga menyediakan pilihan lain yang berkualiti untuk pembeli antaranya lembu baka tempatan seperti baka Kedah-Kelantan.

"Lembu jenis ini dijual pada harga yang lebih mampu milik,

iaitu bermula pada harga RM4,800 seekor.

"Jadi kami memberi pilihan yang lain kepada orang ramai mengikut kemampuan dan keperluan masing-masing," ujarnya.

Empat jam kumpul 40kg kepah



Abu Hassan bersama keluarga mengambil kesempatan mencari kepah untuk kali kedua.

Pantai Balok
meriah dengan
pesta cari kepah

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Seorang suri rumah berjaya mengutip lebih 40 kilogram (kg) kepah di jeti nelayan Pantai Balok, di sini, hanya dalam masa kira-kira empat jam.

Nur Ainatun Adillah Mohd Fauzi, 34, berkata, dia terkejut dengan jumlah hasil dikumpulkan bersama suaminya, Ahmad Nabawi Ibrahim, 36, selepas mula melakukan carian kepah seawal jam 8 pagi hingga 11.45 pagi.

"Dalam masa sejam saya sudah dapat tujuh kilogram dan tidak jangka langsung boleh dapat sebanyak itu sebab korek pasir guna kaki, selepas itu letak dalam plastik.

"Bila sudah sampai darat-baru pera-

POH
PALEH
MEH!

san berat sangat, buka-buka penuh satu plastik besar," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Ibu kepada dua anak itu memberitahu, mereka tidak merancang untuk mencari kepah, tetapi sekadar ingin menyertai seorang rakan yang datang secara kebetulan ke lokasi berkenaan.

"Kami lalu tepi pantai, tengok air tengah surut, terus ikut kawan yang hendak cari kepah.

"Masa itu bekas pun tiada, tapi nasib baik ada kalin pelekut suami dalam bakul motor, jadi kami bungkus guna kain sahaja," katanya.

Ujar Nur Ainatun Adillah, kawasan yang dianggap 'lubuk' itu membolehkan mereka mengutip antara 10 hingga 12 biji dalam satu kawasan kecil tanpa perlu berjalan jauh.

"Kalau tahu caranya, senang saja hendak kutip. Masa air surut, boleh duduk dan kutip guna tangan.

"Tapi bila air pasang, kena berdiri dan korek guna kaki, jadi lambat sikit nak dapat hasil," jelasnya.

Katanya, fenomena kepah itu berlaku setiap tahun, namun suasana kali ini jauh berbeza apabila orang ramai berpusu-pusu ke pantai selepas ia tular di TikTok dan Facebook.



Ahmad Nabawi melihat hasil kepah yang diraih selepas kira-kira empat jam mencarinya.

"Sebelum tular, tenang saja. Sekarang ini riuh macam pasar, kawasan air pun nampak kepala orang saja. Masa cuti Hari Pekerja hari itu, jalan masuk ke pantai sesak sangat," katanya lagi.

Sementara itu, pesara, Abu Hasan Mohd Yusof, 83, mengakui seronok melihat suasana pantai yang kini meriah dengan kehadiran pengunjung dari pelbagai kawasan.

Jelasnya, ia kehadiran keduanya di lokasi terbabit, selepas mendapat dua kilogram kepah beberapa hari lalu.

"Hari ini saya teman anak dan cucu, tengok mereka gagau kepah sambil gelak-gelak. Seronok juga walaupun cuaca panas," katanya yang tidak memperoleh banyak hasil kerana air mulai pasang.

Seorang pengunjung dari Kuala Berang, Terengganu, Mariana Daud, 44, mengakui mengambil peluang singgah ke Pantai Balok selepas melawat adiknya di Kampung Pelindung, di sini.

"Kami datang sebab tengok tular orang cari kepah, jadi saja datang tengok-tengok, sambil bawa anak-anak sekali," ujarnya.



Nur Ainatun Adillah menunjukkan kepah yang dikutip di jeti nelayan Pantai Balok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	KOSMO	NEGARA	12

Lebih 2,000 haiwan mati dirempuh

- Kejadian berlaku sejak 2020
- Lapan gajah turut jadi korban

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KEMAMAN – Kematian haiwan liar semakin membimbangkan dengan 2,361 kes telah direkodkan dalam tempoh lima tahun sejak 2020 termasuk melibatkan seekor anak gajah di Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli, Perak kelmarin.

Menteri Alam Sekitar dan Kestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ia turut melibatkan lapan ekor gajah dan lima harimau belang yang diancam kepupusan sepanjang tempoh tersebut.

"Lima negeri yang merekodkan kematian haiwan liar akibat kemalangan ialah Pahang dengan 765 kes, Perak (478), Kelantan (224), Terengganu (201) dan Negeri Sembilan (187).

"Lapan ekor gajah telah mati dilanggar dalam tempoh tersebut iaitu seekor pada 2020, dua lagi masing-masing pada 2021 dan 2024 serta tiga ekor sehingga semalam (kelmarin)," katanya ketika ditemui selepas menantau Operasi Gerak Kenderaan Bermotor anjuran Jabatan Alam Sekitar di Jakar di sini semalam.

Nik Nazmi berkata, kerajaan



LEBIH 2,300 kes haiwan mati dilanggar direkodkan dalam tempoh lima tahun sejak 2020 dan ia sesuatu yang sangat membimbangkan kerajaan. – GAMBAR HIASAN

mengambil serius mengenai kematian tiga ekor gajah dalam tempoh kurang lima bulan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan menambah kawasan santuari gajah bagi mengurangkan risiko haiwan mamalia terbabit keluar dari habi-

tatnya sehingga menyebabkan kematian akibat kemalangan.

"Santuari tersebut menyediakan kawasan semula jadi yang menyediakan sumber makanan mencukupi agar gajah tidak keluar dari habitatnya.

"Kebiasaannya haiwan liar

keluar jika habitatnya berkurangan atau terpisah oleh jalan, landasan keretapi dan ladang serta tidak cukup makanan," katanya.

Nik Nazmi berkata, kerajaan juga telah menambah peruntukan Dana Pemindahan Fiskal



NIK NAZMI

Ekologi kepada RM250 juta setahun bagi meningkatkan kawasan hutan simpan di negeri-negeri yang menjadi habitat haiwan liar.

Beliau berkata, selain itu, laluan haiwan dan papan tanda bercahaya juga akan ditambah di lokasi berisiko bagi peringatan terhadap pengguna jalan raya.

Semalam Kosmo! melaporkan seekor anak gajah berusia lima tahun mati dilanggar sebuah lori membawa muatan ayam di JRTB Gerik-Jeli.

Insiden pukul 2 pagi itu meruntun hati netizen apabila ibu gajah terbabit cuba 'menolak' lori terbabit menyelamatkan anaknya yang terperosok di bawah kenderaan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2025	KOSMO	NEGARA	12

Wujudkan lebih banyak kawasan lintasan haiwan di lebuh raya

PETALING JAYA - Persatuan Haiwan Malaysia menggesa kerajaan memperbanyak pembinaan lintasan haiwan atau 'animal viaduct' susulan kejadian anak gajah Timor-Barat Gerik-Jeli, kelmarin.

Presidennya, Dr. Arie Dwi Andika berkata, antara faktor kejadian adalah disebabkan ketiadaan infrastruktur khusus yang

mencukupi buat haiwan liar setelah habitat asal mereka diterokai.

"Ia bukan mengenai kecuaiannya pemandu semata-mata kerana pengurusan yang perlu disediakan terhadap haiwan liar ini adalah lebih penting.

"Apa yang perlu dilakukan ialah bagaimana untuk membina lintasan haiwan tanpa mengganggu keselesaan untuk mereka

menjalani aktiviti harian," katanya ketika dihubungi.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan memperbanyakkan struktur laluan khas yang selamat untuk hidupan liar tersebut di lebuh raya.

Tambahnya, cadangan itu telah dikemukakan kepada kerajaan sejak 2018, namun tiada perkembangan baharu dilaporkan

selepas pembinaan yang terakhir di Gerik, Perak.

Difahamkan, setakat ini terdapat beberapa lokasi lintasan haiwan liar telah dibina di Semanjung iaitu di koridor ekologi Sungai Deka, Terengganu; Sungai Yu di Pahang dan Gerik.

Dalam pada itu, Dr. Arie turut meluahkan rasa sedih terhadap insiden terhadap kehilangan

mamalia tersebut, selain kesal dengan tindakan pihak berkuasa membawa ibu gajah itu kembali ke dalam hutan selepas kejadian.

"Gajah ialah haiwan yang penyayang. Risiko untuk ibu gajah kembali ke lokasi kejadian disebabkan terhidu bau karkas anaknya itu adalah tinggi dan ia akan lebih memburukkan keadaan," ujarnya.